

25/12/1998

HDAM cadang perkenal skim baru jualan hartanah

MELAKA, Khamis - Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia (HDAM) bercadang mewujudkan satu lagi skim jualan hartanah yang akan dimulakan awal tahun depan.

Presidennya, Datuk Eddy Chen Lok Loi, berkata skim itu diwujudkan berikutan sambutan orang ramai terhadap Kempen Pemilikan Rumah yang sedang berlangsung sekarang, begitu menggalakkan.

Katanya, berdasarkan skim itu, tumpuan akan diberikan kepada bangunan bukan kediaman seperti hotel, pusat beli-belah dan kompleks rekreasi.

Beliau berkata, kegawatan ekonomi yang melanda negara sejak tahun lalu juga, menyebabkan jualan bangunan jenis itu, terjejas.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat memberikan jumlah sebenar bangunan jenis itu yang masih belum terjual.

"HDAM juga sudah memaklumkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) mengenai skim baru yang akan dilancarkan nanti," katanya selepas pelancaran Kempen Pemilikan Rumah oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, di Dewan Taming Sari, dekat sini, petang ini.

Mengenai kempen pemilikan rumah yang diadakan di beberapa negeri sekarang, Chen berkata, kempen di peringkat kebangsaan akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Isnin ini.

Katanya, walaupun ada permintaan supaya kempen itu dilanjutkan, HDAM menyerahkan kepada Dr Mahathir untuk menentukannya.

Dalam pada itu, berdasarkan maklumat awal, kempen berkenaan memang sudah mencatat angka jualan bernilai lebih RM1 bilion dan jumlah itu dijangka terus meningkat sehingga kempen tamat.

(END)